

## LAKUAN TUTURAN ILOKUSI DAN PERLOKUSI DALAM PENAMAAN WIFI : SATU PEMERHATIAN

*(Speech Act of The Ilocutionary and Perlocutionary of Wifi Naming : An Observation )*

Norhasliza Ramli, Norfazila Ab. Hamid & Riduan Makhtar

### ABSTRAK

Bahasa yang dipersembahkan oleh manusia ketika berkomunikasi sama ada bertulis atau secara lisan mempunyai makna yang tersendiri. Ia lahir daripada hasrat penutur yang ada kaitannya dengan apa yang berlaku dengan dunia di persekitaran yang dekat dengan penutur. Setiap ujaran atau tuturan ilokusi tersebut mempunyai fungsinya yang diharapkan oleh penutur agar kehendak atau hajatnya dapat difahami khususnya oleh orang yang rapat dengan penutur tersebut. Dengan menggunakan Wifi sebagai medium kajian, penulis membuat pemerhatian kepada nama-nama Wifi yang muncul di telefon bimbit penulis. Hasilnya, penulis mendapati bahawa ujaran ilokusi pada nama-nama Wifi membawa fungsi-fungsi untuk beramah-tamah, bersaing, kolaboratif, berkonflik sebagainya. Fungsi komunikatif ini ada kaitannya dengan hajat penutur itu sendiri yang mahu mengisytiharkan apa yang dirasai atau berkongsi momen yang sedang dilaluinya.

**Kata kunci** ; lakuan tuturan, ilokusi, perlokusi, Wifi.

### ABSTRACT

The language spoken by humans when communicating either written or verbally has its own meaning. He was born out of the wishes of the speakers who had something to do with what was happening to the world in an environment close to the speakers. Each speech or speech of the ilocutionary has its function expected by the speaker to make his or her wish or intention be understood especially by the person who is close to the speaker. By using Wifi as a research medium, the authors make observations on the Wifi names that appear on the author's functions of engaging, competing, collaborate, conflicting. This communicative function is related to the wishes of the speakers themselves who want to declare what they feel or share the moment they are passing through.

**Keyword** : speech act, illocutionary act, perlocutionary act, Wifi

### PENDAHULUAN

Manusia menggunakan bahasa secara umumnya ialah untuk berkomunikasi bagi menyampaikan maklumat atau maksud yang dihajati. Menurut Edward Sapir (1921), bahasa didefinisikan sebagai suatu kaedah yang bukan naluri untuk manusia menyampaikan idea, emosi, dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sedar. Hall (1968: 58), pula menegaskan bahawa bahasa ialah salah satu institusi untuk manusia berkomunikasi dan berinteraksi melalui simbol-simbol lisan pendengaran yang abitrari mengikut sifatnya. Oleh yang demikian, dapatlah ditanggapi bahawa komunikasi bahasa manusia boleh berlaku secara langsung dan tidak langsung. Bahasa untuk komunikasi yang dimanifestasikan secara

langsung, membolehkan kita mendengar dan melihat, misalnya melalui khutbah, ucapan, syarahan, pidato, perbahasan, penyampaian taklimat dan sebagainya. Sementara komunikasi tak langsung boleh berlaku melalui tulisan yang dapat dilakukan dengan menggunakan perantaraan media, grafik, carta dan sebagainya.

Tuntasnya, ini ada kaitan dengan istilah fungsi, iaitu penggunaan bahasa untuk tujuan tertentu seperti fungsi komunikatif dan fungsi pengungkapan. Fungsi komunikatif ialah fungsi bahasa untuk tujuan menyampaikan maklumat antara penutur atau penulis dengan pendengar atau pembaca. Fungsi pengungkapan pula ialah fungsi bahasa untuk tujuan mengungkapkan perasaan seseorang. Dalam dunia siber kini, persembahan bahasa manusia boleh diterjemahkan ke dalam pelbagai medium, bentuk dan keadaan seperti dalam Whatsapp, Twitter, Facebook, Instagram dan lain-lain aplikasi media sosial melalui telefon bimbit. Telefon bimbit secara amnya memudahkan kita berhubung menerusi komunikasi secara lisan dan tulisan. Fungsi pengungkapan lakuan tutur ilokusi dan perlokusi bagi nama Wifi menerusi telefon bimbit ini yang menjadi fokus penulis. Penulis ingin melihat kecenderungan para pengguna telefon bimbit memberi nama-nama pada Wifi mereka seterusnya mengaitkannya dengan fungsi ilokusi dan perlokusi yang ada kaitannya juga dengan etika dan kesopanan ketika berkomunikasi secara tulisan. Bagaimana penulis mendapatkan nama-nama Wifi tersebut? Jawapannya melalui imbasan pada telefon bimbit penulis sendiri.

## APA ITU LAKUAN TUTURAN?

Teori ini dibangunkan permulaannya oleh J. L Austin pada tahun 1962 dalam buku terkenal beliau, iaitu *'How to do things with words'*. Selepas itu, teori beliau diperkemas pula oleh John Searl. Bagaimana pun, dalam kajian ini, pengkaji tidak membincangkan teori lanjutan oleh John Searl. Menurut Ahmad Mahmood Musanif (1998), teori ini berasaskan keyakinan bahawa bahasa merepresentasikan lakuan-lakuan. Pengertian asas teori ini tertumpu kepada cara menghubungkan makna dan lakuan dengan bahasa. Austin (1962), mengatakan bahawa semua ujaran yang mempersembahkan lakuan bahasa mempunyai tiga gerak laku yang berlainan, iaitu:

- i) Lakuan pengucapan (*locutionary act*), iaitu gerak laku menuturkan sesuatu ayat dengan makna yang tertentu.
- ii) Lakuan niat pengucapan (*illocutionary act*), iaitu menuturkan sesuatu ujaran dengan niat yang tertentu, misalnya memuji, mengkritik, memberi amaran dan sebagainya.
- iii) Lakuan tindak balas pengucapan (*perlocutionary act*), iaitu kesan sebenar ujaran penutur kepada pendengar, misalnya menakutkan pendengar, menyebabkan pendengar melakukan sesuatu dan sebagainya.

Perbezaan tiga jenis lakuan tersebut dapat diringkaskan seperti begini: seorang penutur mengucapkan ayat-ayat dengan makna yang tertentu (lakuan pengucapan), dengan niat yang tertentu (lakuan niat pengucapan) untuk meninggalkan kesan yang tertentu pada pendengar/pembaca (lakuan tindak balas pengucapan).

Dalam erti kata lain, lakuan tuturan ilokusi ialah istilah yang pernah digunakan oleh Austin (1962:100) yang digunakan untuk menamakan ujaran-lakuan dalam situasi tertentu dan menggunakan istilah ujaran untuk menamakan hasil linguistik lakuan itu. Apabila kita cuba menentukan makna sesuatu ujaran itu, ia dianggap sebagai percubaan untuk membentuk semula lakuan sebagai komunikasi yang peka matlamat. Hal ini bermakna, ini memang menjadi hasrat penutur untuk melakukan lakuan ini apabila ia menghasilkan ujaran itu. Dalam erti kata yang mudah, penulis ringkaskan bahawa apa-apa sahaja yang cuba diisyaratkan dan dihasratkan oleh penulis menghasilkan lakuan ilokusi.

Lakuan ilokusi tersebut mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri. Lakuan ilokusi tersebut terpancar secara tersurat dan tersirat melalui penamaan nama Wifi ciptaan mereka. Ada nama Wifi yang secara terus dapat diteka akan maksud tuturan penulisannya, sementara ada yang taksa. Kepekaan kepada konteks diperlukan untuk mentafsir makna di sebalik ujaran atau tuturan bertulis tersebut. Itupun, jika kita mempunyai pertalian yang rapat dan kenal dengan penuturnya, maka baru kita boleh menanggapi maksud di sebalik tuturan ilokusinya itu. Ringkasnya, jika ini berlaku, kita sebagai orang yang melihat nama Wifi tersebut memerlukan maklumat pragmatik untuk mentafsir secara tepat maksud ujaran tersebut. Hal ini bermakna juga, ujaran atau tuturan ilokusi tersebut mempunyai fungsi tertentu yang dihajatkan oleh pemiliknya, yang diketahui secara seratus peratus oleh pemiliknya, tetapi bagi orang di persekitarannya mungkin hanya boleh mengagak dan meneka sahaja apakah maksud tersirat di sebaliknya. Lakuan ilokusi ini boleh sahaja meninggalkan kesan ke atas orang lain yang membaca nama-nama Wifi tersebut. Penulis tiada masalah jika terlihat senarai nama Wifi yang bersifat santun, mulia dan berupaya mempengaruhi orang lain untuk melakukan sesuatu yang baik tetapi penulis dan orang lain di persekitaran mungkin sahaja ada masalah jika terlihat nama yang di sebaliknya. Mungkin ia bakal mengganggu emosi penulis sesiapa sahaja.

## **TUJUAN KAJIAN**

Penulis ingin memperlihatkan bahawa komunikasi boleh sahaja terhasil melalui nama-nama yang diimbas masuk di telefon bimbit sesiapa sahaja yang berdekatan. Nama-nama tersebut sebenarnya mempersembahkan pelbagai lakuan ilokusi dan perlokusi pemilik telefon bimbit. Selain itu, pelabelan nama-nama tersebut sebenarnya adalah ungkapan pengalaman sebenar dunia penutur yang mempunyai kaitan rapat dengan persekitaran sosial hidupnya. Bukan itu sahaja, kajian ini mahu membuktikan ada atau tidak kesan kesan perlokusi tertentu akibat daripada tindakan tuturan ilokusi penama Wifi ke atas pembaca lain di persekitaran.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pelbagai nama boleh direka dan dicipta oleh para pemilik Wifi yang mewakili diri dan peristiwa yang berlaku dalam hidup atau perkara yang dilaluinya. Penulis dapat melihat kepelbagaian konvensyen nama-nama Wifi yang unik, melucukan, bersifat perasaan untuk melepaskan geram, sedih, marah, dan segala macam luahan, sekaligus penulis dapat menanggapi terdapat fungsi komunikatif di situ, iaitu fungsi tuturan ilokusi yang dipancarkan oleh minda pemiliknya. Persoalannya, adakah mereka sedar bahawa nama-nama yang bersifat luahan, keluhan dan sebagainya yang diimbas masuk di skrin telefon bimbit penulis bakal mengundang tanggapan negatif kepada penulis dan orang lain yang berada berhampiran? Adakah nama-nama itu mampu mengusik emosi orang lain pula?

## **PEMBATASAN KAJIAN**

Pemerhatian ke atas nama-nama Wifi yang diimbas masuk ke telefon bimbit penulis hanya melibatkan individu dan lokasi pencarian data di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sahaja. Pengambilan data-data ini dilakukan secara tidak berkala. Hal ini bermakna, data diambil mengikut tahap kelapangan penulis dan tidak ada masa khusus yang ditentukan kerana data agak mudah diperolehi pada bila-bila masa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penulis menggunakan metodologi kajian di lapangan, iaitu pencarian nama-nama Wifi di persekitaran kampus KUIS dan melibatkan juga kajian pustaka. Satu rumusan akan dibuat secara keseluruhan bagaimana jenis lakuan tuturan ilokusi warga KUIS yang dizahirkan melalui data-data nama Wifi yang tertera di telefon bimbit penulis.

### **Bagaimana Data Diambil?**

Untuk lebih jelas, proses pengambilan data dimulakan dengan memilih lokasi atau tempat bagi tujuan pengimbasan nama Wifi. Untuk mendapatkan data nama-nama Wifi itu, penulis berjalan dari satu lokasi ke satu lokasi yang dihajati. Penulis mensasarkan ke tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai. Di situ, penulis mudah mendapat data-data nama yang dikehendaki. Misalnya, di kafetaria, di masjid, di dalam dewan peperiksaan dan semua blok bangunan di KUIS. Selepas itu, penulis menekan ikon Wifi di telefon bimbit, maka proses mengimbas jaringan Wifi (*scanning wifi network*) di sekitar KUIS mula berlaku. Semasa proses mengimbas inilah penulis dapat lihat banyak nama-nama Wifi masuk. Penulis dapati banyak data nama Wifi yang menarik untuk dikaji. Penulisan mencatat nama-nama Wifi tersebut sebagaimana yang tertera dieja, sama ada menggunakan huruf besar, huruf kecil, tanda bacaan yang tertentu dan sebagainya, semua dikekalkan oleh penulis tanpa sebarang pindaan. Dapat penulis saksikan, pelbagai lakuan tuturan para pemilik Wifi boleh diterjemah melalui kepelbagaian konvensyen nama ciptaan mereka. Tentunya para pengguna Wifi mempunyai sebab yang tersendiri apabila meletakkan nama-nama Wifi itu. Maka, sebab itu ada kaitannya dengan pengalaman persekitaran yang melingkari dunia penutur. Dalam erti kata lain, representasi minda pengguna Wifi terserlah pada nama-nama Wifi ciptaan mereka.

### **Apa Dan Mengapa Wifi?**

Oleh kerana penulis menggunakan Wifi sebagai medium kajian ini, maka lebih elok penulis menerangkan serba sedikit tentang apa itu Wifi. **Wi-Fi** (juga dikenali sebagai **Wifi** atau **WiFi**) merupakan piawai untuk rangkaian kawasan setempat tanpa wayar menerusi WLAN, iaitu *Wireless Local Area Network*. Wi-Fi membenarkan alat elektronik untuk bertukar data atau bersambung ke internet dengan menggunakan gelombang radio 2.4 GHz UHF dan 5 GHz SHF. Nama Wi-Fi sering dianggap sebagai singkatan *wireless fidelity*, tetapi sebenarnya merupakan tanda dagangan dan digunakan dengan terma audiophile Hi-Fi. Wi-Fi Alliance mentakrifkan Wi-Fi sebagai mana-mana produk WLAN yang berdasarkan piawaian 802.11 Institut Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Produk yang berdaftar boleh menggunakan logo rasmi Wi-Fi yang juga bermakna produk tersebut boleh beroperasi dengan mana mana produk yang mempunyai logo yang sama. Logonya sendiri diciptakan oleh Interbrand Corporation dengan gaya yin yang. Interbrand memiliki hubungan kerja sama dengan Wi-Fi Alliance. Kelebihan Wi-Fi ialah ia berasaskan piawaian IEEE 802.11, manakala jarak capaian juga jauh, iaitu antara 75 hingga 125 meter. ([www.wikipedia.com](http://www.wikipedia.com)). Jadi, melalui Wifi, data-data nama ini dapat dicapai dengan mudah di persekitaran penulis.

### **ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**

Antara data-data nama Wifi yang ditemui ialah seperti berikut:

1. jangan curi
2. pencuri wifi
3. bayar la...
4. jangan curi ekk..
5. hohoi\_

6. virus detected
7. daif cinta
8. DIAM
9. connect..
10. budu
11. cari wifi ke
12. Fucakkkk cak cak kau!!!
13. Greeninku
14. mak kita tak kasi pinjam WIFI
15. donotenterplishhh
16. Ramadan Kareem !!!
17. nak bayar la 2
18. kelebihan
19. anak ayah
20. myline
21. cahaya kesyukuran
22. yayahh
23. Nama\_Apa
24. Yes, you are amazing-00
25. Dumb & Dumber
26. WIFI NENEK AKU
27. Gembira
28. Da'i punya!!!
29. Hola
30. mamak
31. ini semua dunia
32. Wifi Takda
33. Tak dak Data? Langgan
34. WiFi den la
35. Pemfokus Lensa
36. unknown
37. Enter the SSID
38. repetence
39. jangan minta password
40. yes care
41. teh tarik roti canai
42. Nak apa?
43. suri
44. ujiansistem 1
45. IslamMuslim
46. sedut yee!!! bayar la
47. nak wifi free letteww
48. langit ke 7
49. .
50. ?

Gagasan utama oleh Austin dalam teori lakuan bahasa beliau menepati maksud kajian pada nama-nama Wifi yang diimbas di telefon bimbit penulis. Berdasarkan nama-nama Wifi yang diimbas, fungsi ilokusi dapat dikelaskan kepada empat, berasakan bagaimana setiap fungsi ini

dikaitkan dengan matlamat sosial untuk membentuk dan menyelenggara sikap hormat atau sebaliknya, iaitu:

## **BERMATLAMAT SOSIAL UNTUK BERKONFLIK**

Dalam data ini, matlamat ilokusi dilihat berfungsi dengan matlamat sosial, iaitu penama Wifi menggunakan perkataan, frasa dan ayat pendek yang bertujuan untuk menyindir dan menyakitkan hati orang lain. Penama Wifi sebenarnya mahu meluahkan perasaannya yang bengang dengan menggunakan kata dan ayat sindiran. Dalam data tertera nama seperti berikut:

1. pencuri wifi
2. bayar la...
3. cari wifi ke
4. nak bayar la 2
5. WIFI NENEK AKU
6. Wifi Takda
7. Tak dak Data? Langgan
8. sedut yee!!! bayar la
9. nak wifi free letteww
10. Wifi Den La
11. Virus detected
12. Unknown
13. Dumb & Dumber

Menurut teori lakuan tuturan, makna ujaran di atas dapat memperlihatkan luahan perasaan atau niat penama Wifi yang merasa geram dan marah dengan orang di persekitarannya yang cuba mencari dan mencuri data Wifi orang lain secara percuma. Bahasa yang dituturkan secara bertulis itu, tepat untuk menggambarkan bahasa berkonflik itu memang kena tepat kepada individu yang tidak melanggan data internet atau Wifi. Mereka ini biasanya ada kepakaran mencuri Wifi. Golongan ini cuba untuk memasuki *server* dengan cuba-cuba jaya ke *server* pengguna lain.

Bagi penulis, penulis berasa geli hati dengan pemilihan nama-nama Wifi tersebut. Penulis tidak berasa marah. Pun begitu, sesiapa sahaja boleh terasa hati atau rasa disindir khususnya bagi yang makan cili, tentu dia terasa pedasnya! Maksudnya, bagi si pencuri wifi, memang terkena batang hidung sendiri. Di sini menunjukkan niat atau maksud penama Wifi untuk menyindir orang lain sudah berjaya. Akibat lakuan ilokusi tadi yang terkandung dalam pernyataan perlokusi sindiran tadi mungkin menyebabkan para pencuri Wifi insaf atau bagi yang tegar, mungkin tidak mengendahkan peringatan tersebut. Ada kemungkinan juga pengalaman penama Wifi sendiri yang pernah melakukan perbuatan mencuri Wifi orang lain menyebabkan penama Wifi terdorong untuk mengingatkan orang lain melalui pernyataan sindiran tadi.

Selain itu juga, terdapat nama-nama Wifi menunjukkan lakuan ilokusi dan perlokusi memberi amaran dan ancaman. Contohnya ada nama Wifi ditulis sebagai:

1. jangan curi
2. jangan curi ekk..
3. jangan minta password
4. Da'i punya!!!
5. donotenterplishhh
6. mak kita tak kasi pinjam WIFI
7. Fucakkkk cak cak kau!!!
8. myline



Matlamat penutur ialah untuk mengingatkan orang lain supaya tidak mencuri Wifi orang lain, tetapi dari sudut darjah kesopanannya ada yang bersifat keras (menggunakan tanda seruan (!!!), sebanyak tiga kali), ada yang sedikit lembut (ditambah perkataan ekk).

### **BERMATLAMAT SOSIAL UNTUK BERAMAH-TAMAH**

Dalam menjalankan fungsi sosial ini, terdapat juga lakuan tuturan ilokusi yang bersifat ramah-tamah, iaitu berlawanan dengan bahasa untuk berkonflik tadi. Penama Wifi ada yang menukikan nama dengan niat memuji seseorang yang menjadi sanjungannya. Misalnya,

1. Yes, you are amazing-00
2. kelebihan

Secara jujur, setelah melihat ujaran di atas ialah penulis berasa sangat dihargai dan menjadi bersemangat. Ujaran berbentuk pujian sedemikian walaupun bukan ditujukan kepada penulis, tetapi penulis menumpang rasa seronok dan sebenarnya telah membangkitkan satu perasaan yang hebat. Nampak jelas ujaran tersebut lahir dari hati yang tulus ikhlas dan ditujukan kepada orang yang disayangi yang mungkin banyak memberi dorongan, bimbingan dan pertolongan serta mungkin menjadi idola beliau. Walaupun data lakuan tuturan yang bersifat ramah-tamah yang dijumpai hanya dua sahaja, namun bagi penulis ia begitu bermakna dan berharga untuk diketengahkan. Masih ada rasa di satu sudut hati manusia yang tidak lokek memberi pujian kepada orang lain.

### **BERMATLAMAT SOSIAL UNTUK KOLABORATIF**

Lakuan bahasa yang menyatakan kegembiraan pula dapat disaksikan melalui imbasan nama Wifi berikut:

1. Gembira
2. cahaya kesyukuran

Niat penama Wifi, jelas merepresentasikan emosi penutur yang berada dalam kebahagiaan dan ketenangan jiwa. Kebahagiaan ini terjelma kerana persekitaran penama yang mungkin menerima berita yang menyenangkan sama ada naik pangkat, naik gaji, mendapat cahaya mata, mendapat hadiah, bonus, atau mendapat rezeki yang tidak disangka-sangka daripada Allah. Tafsiran sebegini muncul dalam fikiran pengkaji kerana pengkaji turut berkongsi merasai perasaan kesyukuran walaupun pengkaji tidak mengenali mereka.

Begitu juga lakuan tuturan lokusi yang bertujuan untuk menyampaikan dakwah yang berfungsi untuk saling ingat-mengingati antara satu sama lain. Contoh yang dijumpai dalam data ialah

1. Ramadan Kareem !!!
2. ini semua dunia

Lakuan ilokusi menyatakan persetujuan juga turut dijumpai. Sungguhpun demikian, pada bahagian ini matlamat ilokusi tidak peka terhadap matlamat sosial. Hal ini kerana, adakala lain di mulut, lain di hati. Mungkin, penama Wifi hanya mahu mengambil hati tanpa menyinggung perasaan orang yang disayangi dan dihormati. Dalam keterpaksaan terpaksa memberi persetujuan. Misalnya dalam data terimbas nama:

1. yes care

## **MATLAMAT SOSIAL UNTUK BERSAINGAN**

Dalam data, dijumpai juga data nama Wifi lakukan tuturan ilokusi bersaing dengan matlamat sosial. Penama Wifi mempamerkan dirinya dengan bersifat mendesak dan memerintah. Misalnya seperti data di bawah:

### 1. Enter The SSID

Ayat secara paksaan begini, kurang disenangi oleh penulis kerana jelas menggambarkan diri penama yang ego, dan hendak tunjuk dirinya berkuasa. Pernyataan sebegini turut dikenali sebagai kategori kesopanan yang negatif.

Selain itu, di dalam data nama-nama Wifi tersebut, pengkaji menjumpai lakukan tuturan ilokusi berbentuk tanda bacaan, seperti

1. .
2. ?

Sebenarnya, tanda bacaan ini mempunyai maksud yang tersurat dan tersirat. Ia tetap juga dianggap sebagai sebahagian daripada lakukan. Menurut Austin (1962), bahasa digunakan untuk tujuan yang tertentu dalam satu adegan. Bahasa juga digunakan oleh penutur atau penulis untuk menyatakan atau menghuraikan sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan ujaran yang tidak menerangkan sesuatu, atau tidak mengandungi sebarang maklumat yang bermakna. Oleh itu, ujaran itu tidak boleh dianggap sebagai benar atau palsu, tetapi pertuturan tersebut merupakan lakukan atau sebahagian daripada lakukan. Hal ini ada disebutkan oleh Austin seperti berikut:

*“... some utterances that seem like statements lack what is thought to be necessary property of statement – a truth value. Not only do such statements not ‘describe’ or ‘report’ anything but the uttering of the sentence is or is part of, doing of an action, which again would not normally be described as, or as ‘just’ saying something.”*

## **KESIMPULAN**

Lakukan ilokusi dan perlokusi bahasa penama Wifi dapat dilihat dengan jelas daripada paparan nama-nama yang dimbas masuk ke telefon bimbit. Jika hasrat dan luahan emosi penama Wifi adalah baik dan menyenangkan untuk dilihat, ia tentunya refleks kepada nama-nama Wifi yang dipaparkan. Begitu juga di sebaliknya. Sungguhpun demikian, adalah santun sekiranya memberi nama Wifi yang berfungsi sebagai ramah-tamah, dan tidak mengganggu emosi orang lain walaupun hanya menerusi paparan nama Wifi di telefon bimbit.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Mahmood Musanif (1998) *Tanya-jawab dalam novel "Salina" karangan A. Samad Said : satu kajian berdasarkan teori lakukan pertuturan / Ahmad Mahmood bin Musanif*. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. London: Oxford University Press.
- Kamus Linguistik*. 1997. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Leech, G. (1983). *Principal of Pragmatics*. London: Longman.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik* (terj. Azhar M.Simin). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Searle, J.R. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge: Cambridge U.P.



Searle. J.R. (1979). *Expression and Meaning*. Cambridge: Cambridge U.P.

**MAKLUMAT PENULIS**

**NORHASLIZA RAMLI**

Pensyarah Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[norhasliza@kuis.edu.my](mailto:norhasliza@kuis.edu.my)

**NORFAZILA AB. HAMID**

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[norfazila@kuis.edu.my](mailto:norfazila@kuis.edu.my)

**RIDUAN MAKHTAR**

Pensyarah Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[riduan@kui.edu.my](mailto:riduan@kui.edu.my)